

**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PELAKSANAAN e-JANJI TEMU PENYAKSIAN**  
**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WPKL**

**1. Apakah perkhidmatan yang tersenarai dalam e-Janji Temu Penyaksian?**

Perkhidmatan yang boleh dibuat melalui e-Janji Temu adalah seperti berikut:

- Urusan penyaksian borang tertentu di hadapan Penolong Pentadbir Tanah/Timbalan Pendaftar Hakmilik.

Contoh: Borang Pindahmilik, Gadaian dan Kaveat Persendirian.

**2. Bagaimanakah cara untuk membuat tempahan e-Janji Temu bagi urusan penyaksian?**

Pelanggan hendaklah memilih tarikh, masa dan memasukkan maklumat individu yang akan hadir untuk penyaksian.

**3. Dimanakah pelanggan boleh membuat tempahan e-Janji Temu Penyaksian?**

Pelanggan boleh membuat tempahan masa e-Janji Temu Penyaksian di Portal Rasmi PTGWPKL.

<http://www.ptgwp.gov.my/portal/laman-utama>

**4. Adakah penyaksian terhad kepada hakmilik Wilayah Persekutuan sahaja?**

Ya, urusan penyaksian hanya terhad kepada hakmilik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya sahaja.

**5. Berapakah bilangan orang yang dibenarkan untuk hadir dalam satu slot penyaksian?**

Bilangan orang yang dibenarkan untuk hadir dalam satu slot penyaksian adalah **dua (2)** orang sahaja dalam satu masa.

Jika penyaksian memerlukan tandatangan lebih daripada seorang, Pentadbir Tanah akan mengarahkan untuk masuk secara bergilir-gilir.

**6. Bilakah e-Janji Temu Penyaksian akan dilaksanakan?**

e-Janji Temu Penyaksian akan dilaksanakan bermula **30 mei 2021**.